



**KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR  
IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada IPH072 Dan Kerja Rasionalisasi Bagi Sebahagian Kawasan Tadahan Pembetulan Tanah Hitam, Ipoh, Perak (Reka dan Bina)**

**No. Tender : PETRA/JPP/TANAH HITAM/SCC/2024/PreQ03**

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di **Ipoh, Perak**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi **general & preliminaries, design & build element, menaik taraf loji rawatan kumbahan sedia ada IPH072 kepada 13,000PE, menyedia dan mengoperasikan Temporary Treatment Facility (3,173PE), memasang paip pembetulan utama, merasionalisasi 6 buah loji awam serta 1 stesen pam dan kerja-kerja lain yang berkaitan.**

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Disember 2024** dan tempoh penyiapan adalah **36 bulan**.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

**i) Pendaftaran Kontraktor**

a) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut;

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam

Gred	:	G7
Kategori	:	CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam) ME (Mekanikal dan Elektrikal)
Pengkhususan	:	CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) CE19 (Sistem Pembetulan) M19 (Pemasangan Kelengkapan Loji)

**ATAU**

- (ii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas A, Kepala IV dan Sub- Kepala 3 dan PPK

**ATAU**

- (iii) Pusat Pendaftaran Kontraktor - Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) Dalam Kelas A di Bawah Tajuk I dan Tajuk Kecil 5 dan PPK

**DAN**

- (iv) Pendaftaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Permit IPA Jenis C1 (Pembetulan)
- (v) Terbuka (Tidak Dikhaskan Bumiputera)
- (vi) Mempunyai Sijil SCORE CIDB yang masih sah dengan minimum 3 Bintang

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan (i), (ii), (iii), dan (iv) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra kelayakan.

**ii) Keupayaan Kontraktor**

**a) Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth* **melebihi RM2,333,333.33** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) **melebihi RM1,166,666.67** atau Modal Mudah Cair **melebihi RM1,050,000.00**

**b) Keupayaan Teknikal**

- Telah melaksanakan projek- projek pembinaan dalam kategori yang sama dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tertinggi **tidak kurang RM3,500,000.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek- projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyediaan dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu.

**iii) Perunding Kontraktor**

Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut :-

- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- c) Berdaftar dengan SPAN sebagai *Qualified Person* selaras dengan Seksyen 47(7) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- d) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Pejabat Pendaftar Syarikat

e) Kontraktor perlu mengemukakan "*Declaration Letter*" bagi mengesahkan perunding yang dilantik adalah daripada syarikat perunding yang bebas.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Jualan Tender, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya** dari **06 Mei 2024 (Isnin) sehingga 10 Mei 2024 (Jumaat)** semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran di perenggan 3 (i)(a) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran ASAL dan mengemukakan sesalinan (1) fotokopi sijil/perakuan pendaftaran tersebut untuk tujuan pembelian dokumen Pra Kelayakan.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Akauntan Negara Malaysia** dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut :-

**Peti Tender 1, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 30 Mei 2024 (Khamis)**